

Kedua-dua agenda ekonomi negara ini bertujuan untuk memastikan perjalanan ekonomi ke arah pertumbuhan yang mampan dan terangkum mampu dicapai sebagaimana yang disasarkan. Tidak salah memperkatakan bahawa agenda ekonomi Malaysia kini cuba dirangka semula untuk dilaksanakan agar menjadi lebih kukuh demi kebaikan bersama-sama untuk setiap rakyat Malaysia.

Mengimbau kembali petunjuk ekonomi Malaysia, tidak keterlaluan dikatakan bahawa asas ekonomi Malaysia masih teguh untuk memacu ekonomi masa hadapan pada tahap yang terbaik. Misalnya, Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia antara yang terbaik dalam kalangan negara di dunia dalam tempoh 50 tahun yang lalu sejak Dasar Ekonomi Baharu (DEB) diperkenalkan pada awal tahun 1970-an. Malaysia juga dikenali sebagai antara destinasi pelaburan langsung asing (FDI) di dunia yang paling popular dengan dana asing sentiasa mencurah masuk membangunkan ekosistem ekonomi Malaysia. Kesannya, kadar kemiskinan menurun dengan mendadak pada masa kini berbanding dengan pada awal tahun 1970-an. Malah, tidak keterlaluan dikatakan bahawa ekonomi Malaysia cukup berdaya saing pada peringkat global. Hal ini terbukti dengan jelasnya apabila Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dalam kalangan negara di dunia sebagaimana Laporan Daya Saing Global 2018. Kedudukan ini menggambarkan bahawa program yang telah dirangka dan dilaksanakan dalam tempoh 50 tahun yang lalu telah meletakkan asas ekonomi negara pada satu tahap yang cukup membanggakan buat generasi terdahulu untuk kebaikan generasi sekarang.

Namun begitu, tidak boleh sesekali dinafikan bahawa ekonomi Malaysia yang berlaku pada masa kini juga

RMK-12: Fasa Pertama Menuju WKB 2030

PADA tahun lalu, kita disajikan dengan dua pembentangan ekonomi yang cukup penting untuk negara. Pertama, berkenaan dengan Belanjawan 2020 yang mencoretkan agenda kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi pada tahun ini (tahun 2020). Kedua, tidak lain tidak mengenai agenda kerajaan menuju tahun 2030 melalui Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

sering kali dibadai dengan pelbagai isu dan cabaran. Tiada sesiapa mampu menyanggah termasuklah dalam kalangan birokrat mahupun pemimpin atau ahli politik serta masyarakat marhaen secara keseluruhannya bahawa kos sara hidup rakyat semakin meningkat dan kek ekonomi negara tidak diagihkan secara saksama. Hal ini terbukti dengan melihat angka pertumbuhan ekonomi bagi setiap negeri di Malaysia, selain kemampuan golongan 40 peratus berpendapatan

rendah (B40) untuk bertahan dalam konteks ekonomi pada masa kini dan pada masa akan datang.

Malah, meskipun ekonomi Malaysia telah mencapai tahap kadar guna tenaga penuh, namun masih berlaku ketidakseimbangan dalam sektor pekerjaan apabila kurangnya golongan berkemahiran tinggi dalam pasaran pekerjaan. Keadaan ini tidak wajar dibiarkan berlanjutan memandangkan natijahnya bukan kepalang. Sebagai sebuah negara majmuk, pengagihan





kek ekonomi perlulah dibuat secara saksama merentasi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, negeri dan fahaman politiknya. Jika tidak, apa-apa yang dilihat pada masa kini akan terus membarah sehinggakan boleh menjadikan agenda untuk merealisasikan sebuah negara bangsa yang begitu utuh, yang rakyatnya maju serta bersatu padu sukar tercapai dengan sendirinya.

Natijahnya, kerajaan perlu meneruskan kesinambungan

pelaksanaan ekonomi yang telah berjaya dilakukan pada masa yang lalu. Kesinambungan ini jelas kelihatan melalui pelaksanaan ekonomi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Contoh pelaksanaan ekonomi jangka masa pendek termasuklah belanjawan tahunan, manakala agenda ekonomi yang lebih panjang dinukilkan melalui rancangan Malaysia (RM). Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, sebanyak 11 RM telah dilaksanakan. Dua Rancangan Malaya telah dilaksanakan sebelum Rancangan Malaysia Pertama (RMK-1). Rancangan Malaysia yang terkini, iaitu Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) hampir tamat tempoh pelaksanaannya. Tempoh hayat RMK-11 akan berakhir pada penghujung tahun ini. Maka, bermulalah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) pada tahun hadapan untuk tempoh lima tahun hingga tahun 2025. Lima tahun akan datang jugalah merupakan fasa pertama WKB 2030 dilaksanakan, maka setiap pelaksanaan RMK-12 perlu mengambil kira tiga objektif WKB 2030, iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta merealisasikan negara bersatu, makmur dan bermaruah.

Dalam hal ini, RMK-12 tidak boleh lari daripada beberapa aspek utama yang saling berkaitan dengan WKB 2030. Antaranya pemeraksanaan ekonomi negara berasaskan teknologi terkini yang dijangka menjadi inti pati utama RMK-12. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan ekonomi digital, maka ekonomi negara perlu konsisten dengan ledakan teknologi terkini dan pada masa hadapan. Sebarang program dan projek dalam RMK-12 perlulah sentiasa mengambil kira ekonomi berteraskan IR4.0 dan ekonomi digital. Tidak kurang juga dalam RMK-12, dijangkakan bahawa ekonomi berasaskan kelestarian menjadi agenda utama kerajaan. Hal

ini termasuklah dalam konteks tenaga yang lestari agar alam sekitar negara sentiasa terpelihara daripada sebarang pencemaran yang memberikan kesan negatif terhadap masyarakat secara keseluruhannya. Sektor perkhidmatan, minyak dan gas, hartanah serta pertanian bakal berada dalam radar utama kerajaan memandangkan ketiga-tiga sektor inilah menjadi antara enjin ekonomi utama Malaysia.

Sasaran utama RMK-12 adalah untuk menangani ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan dalam kalangan rakyat Malaysia termasuklah ketidakseimbangan ekonomi antara kawasan dengan negeri. Oleh hal yang demikian, dijangkakan pembangunan luar bandar menjadi antara fokus kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program RMK-12. Dalam memastikan pemeraksanaan ekonomi dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cekap, maka ekosistem ekonomi negara juga perlu sentiasa berada pada tahap terbaik. Hal ini termasuklah meningkatkan lagi tahap inovasi dan produktiviti dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya para pekerja. Kedua-dua aspek ini akan menjadi pemangkin untuk melonjakkan ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Selain ekonomi, kelestarian alam sekitar juga dijangkakan menjadi antara agenda utama dalam RMK-12. Teknologi dan pengurusan berasaskan ekonomi hijau dan ekonomi biru akan digunakan sebaik-baik mungkin bagi membolehkan kelestarian alam sekitar kekal mampan. Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar termasuklah melibatkan khazanah hutan yang kaya dengan kepelbagaian bio, kecekapan tenaga melalui tenaga boleh diperbaharui, pengurangan pelepasan gas karbon dan bahan buangan serta kelestarian penggunaan sebarang barangan agar tidak berlaku pembaziran tidak boleh sesekali dipinggirkan dalam pelaksanaan RMK-12.

Sebagai satu daripada tunjang utama WKB 2030, sebarang program yang melibatkan keputusan dalam RMK-12 perlulah dilaksanakan secara berhati-hati, berhemah dan berstrategi dengan mengambil kira segala input daripada pelbagai pihak dan rekod yang lepas agar RMK-12 bukan sahaja nampak gah di atas kertas, tetapi juga berjaya dilaksanakan secara menyeluruh demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Sesuatu perkara yang juga perlu ditekankan dalam RMK-12 melibatkan hal modal sosial yang sewajarnya melibatkan perekeyasaan modal dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam konteks ini, pembangunan komuniti perlu diutamakan merangkumi golongan B40 yang rata-ratanya dalam kalangan masyarakat Bumiputera selain tidak meminggirkan kaum lain yang dikategorikan dalam golongan ini. Lebih banyak program berasaskan inovasi sosial dan keusahawanan sosial dijangka akan dilaksanakan dengan lebih meluas lagi memandangkan pembangunan komuniti untuk mengurangkan ketidaksamaan memerlukan paradigma baharu ekonomi yang lebih tuntas berasaskan keadaan semasa.

Hal ini cukup penting dalam aspek pembasmian kemiskinan merentasi kawasan tidak kira sama ada kemiskinan bandar mahupun kemiskinan luar bandar. Lebih-lebih lagi, aspek penyatuan bangsa Malaysia berkait rapat dengan aspek kekayaan dan jurang pendapatan serta kesaksamaan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi yang selama ini diketahui oleh kerajaan dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang sejahtera dan rakyatnya bahagia. Begitu juga dalam aspek kesihatan dan pendidikan, inti patinya perlu dijadikan agenda utama bagi membolehkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia sentiasa terpelihara.

Oleh itu, mahu tidak mahu segala program yang akan dilaksanakan dalam RMK-12 perlulah dibuat secara beretika dan nilai moral yang baik serta jujur dan ikhlas supaya kebajikannya dapat sampai kepada keseluruhan rakyat Malaysia, sekali gus tidak tersekat oleh pelbagai birokrasi mahupun dek penyelewengan dan rasuah. Malah, segala polisi perlulah berasaskan tadbir urus yang baik supaya keberkesanan RMK-12 benar-benar dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia, khususnya golongan yang berpendapatan rendah yang semakin terhimpit dek tekanan ekonomi dan sosial dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

RMK-12 juga memerlukan kerjasama daripada semua pihak agar agenda yang lebih besar dalam WKB 2030 dapat dilaksanakan dengan lebih mudah lagi pada masa akan datang. Hal ini seterusnya membantu pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13) yang merupakan fasa kedua pelaksanaan WKB 2030. Maka, sebagai satu daripada tunjang utama WKB 2030, sebarang program yang melibatkan keputusan dalam RMK-12 perlulah dilaksanakan secara berhati-hati, berhemah dan berstrategi dengan mengambil kira segala input daripada pelbagai pihak dan rekod yang lepas agar RMK-12 bukan sahaja nampak gah di atas kertas, tetapi juga berjaya dilaksanakan secara menyeluruh demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Hal ini menggambarkan betapa pentingnya RMK-12 untuk negara dan rakyat Malaysia sebagai fasa pertama menuju WKB 2030. □